

# PENDEKATAN PENDIDIKAN SENI VISUAL TERHADAP TERAPI KOGNITIF ORANG KURANG UPAYA

Muhamad Firdaus Ramli<sup>1</sup>, Abdul Aziz Zalay @ Zali<sup>2</sup> Ridzuan Hussin<sup>3</sup> dan Nurazry Basiron<sup>4</sup>

<sup>1,2,3</sup> Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

*firdaus.ramli@fskik.upsi.edu.my*<sup>1</sup>  
*abdul.aziz@fskik.upsi.edu.my*<sup>2</sup>  
*ridzuan@fskik.upsi.edu.my*<sup>3</sup>

<sup>4</sup>Jabatan Multimedia Kreatif, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

*nurazry@fskik.upsi.edu.my*<sup>4</sup>

## ABSTRAK

Makalah ini mengungkapkan pengamatan instruksi terapi dalam pendidikan seni visual terhadap bakat Orang Kurang Upaya (OKU). Faktor kritikan dan penerimaan terhadap pengajaran ilmiah melalui aktiviti seni visual berupaya menonjolkan bakat artistik peserta dari golongan unik OKU yang terpilih. Peserta OKU yang terlibat adalah terdiri dari golongan pekak, bisu dan kekurangan anggota badan. Aktiviti terapi seni visual melibatkan aspek pembinaan kognitif terhadap pergerakan fizikal dan mental peserta OKU. Selain itu, instruksi aktiviti pendidikan seni visual dapat mengenalpasti aras sensitiviti pola pemikiran kreatif peserta OKU secara langsung. Objektif utama makalah ini adalah untuk membuka lembaran dan lapangan pemikiran terhadap konsep unsur dan prinsip seni visual yang diperlukan oleh golongan OKU. Melalui aktiviti pendekatan terapi dalam pendidikan seni visual, peserta OKU telah melengkapkan tugas-pengkaryaan artistik. Penilaian dan penganalisaan dilakukan terhadap penghasilan karya untuk melihat aras keupayaan pemahaman peserta OKU dalam meneruskan kelangsungan pengkaryaan. Perkongsian asas seni visual secara fizikal telah mendorong penjana emosi peserta OKU dalam memberikan tumpuan kepada pengajaran seni visual yang bakal disampaikan. Pendekatan penyelidikan adalah secara kualitatif dengan menjalankan pemerhatian turut serta dalam aktiviti asas lakaran. Dijalankan penerangan terhadap unsur dan prinsip seni visual serta asas teknik lakaran kepada peserta OKU. Persampelan secara bertujuan dengan tiga tugas melakar sebagai penerimaan asas dalam interaksi pengajaran dan pembelajaran. Kaedah analisa dokumen dalam penjana artistik digunakan untuk memberikan tumpuan kepada pola lakaran yang disampaikan. Dapatan dari pengamatan program asas lakaran berupaya menonjolkan teori dalam amalan praktis seni visual secara khusus. Melalui aktiviti asas lakaran dalam seni visual dapat mengangkat keilmuan yang sedia ada ke dalam faktor penerimaan kognitif peserta OKU. Jesteru itu, imbalan dan implikasi dari penyelidikan ini meningkatkan gaya cetus rasa peserta OKU untuk menjalankan prosedur pembelajaran. Karya visual peserta OKU berfungsi sebagai pelengkap dalam menjana aktiviti secara khusus. Konsep estetika dalam objektiviti penyelidikan dipilih untuk menonjolkan aktiviti seni visual dengan lebih wajar.

**Kata Kunci:** *Terapi Kognitif, Peserta Orang Kurang Upaya, Pengkaryaan, Aktiviti Seni Visual*

## 1.0 PENGENALAN DALAM PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini bersandarkan hubungan deria peserta OKU dengan menghubungkan penglibatan faktor dalam pembinaan sesebuah karya seni visual. Karya seni visual telah ditentukan oleh pelbagai perkara yang melibatkan parameter dalam psikologi, sosial dan emosi umum yang khusus. Sesebuah karya seni visual yang dibina dan disampaikan dengan pengalaman peserta OKU dalam melengkapkan emosi umum. Terapi seni adalah satu bentuk terapi ekspresif yang menggunakan proses kreatif membuat seni untuk meningkatkan kesejahteraan fizikal, mental dan emosi peserta OKU. Menurut Rodly Fadly (2016), sebilangan peserta OKU mampu menghasilkan karya lukisan yang unik berbanding dari pengkaryaan atau masyarakat normal. Bagaimanapun, pembinaan karya telah terjejas disebabkan gabungan pola karya seni visual yang kurang efektif. Masalah ini berkait dengan kekurangan ruang kognitif dalam pembinaan karya seni visual dan interaksi fizikal yang natural oleh peserta OKU. Sebahagiannya, pola karya yang telah dimanipulasikan dengan sebaik mungkin oleh peserta mampu mewujudkan penerimaan umum yang berbeza. Dengan menyampaikan makalah ini, penyelidik wajar berkongsi tumpuan estetika secara peribadi melalui pengalaman bersama-sama peserta OKU.



Gambar 1: Peserta OKU (Pertuturan dan Pendengaran) Dalam Sesi Taklimat

Perkongsian dalam program seni visual telah melibatkan:

- a. Faktor apresiasi terhadap sensitiviti peserta kepada ruang dan fizikal (persekitaran/medium) program seni visual.
- b. Memahami unsur estetika dan emosi peserta OKU dalam apresiasi interaksi visual.
- c. Aspek manipulasi pola karya seni visual terhadap pilihan dan komposisi imej.

Justifikasi oleh penyelidik untuk mengkaji prestasi pembinaan sendiri setiap peserta OKU dalam program seni visual. Selanjutnya, pengajaran dapat memurnikan keupayaan peserta dalam interaksi aktiviti fizikal terhadap lapangan seni visual. Menurut Megat Zaharuddin Megat Mohd. Nor (2013), kekurangan fizikal oleh golongan OKU tidak menghalang dan memadamkan semangat untuk menguasai teknik melukis dan berjaya dalam bidang seni visual. Gambar 1 menunjukkan peserta OKU (Pertuturan dan Pendengaran) dalam sesi taklimat untuk mendapatkan arahan tentang tugas dalam aktiviti seni visual. Lanjutan itu, pengajaran dari program dapat memurnikan keupayaan peserta OKU berinteraksi secara fizikal terhadap lapangan seni visual. Selain itu, keperluan kepada peserta untuk memahami hubungan bahantara yang digunakan perlu dititikberatkan dalam pembinaan karya seni visual. Ini menjadikan kondisi dalam pembinaan karya seni visual telah bertindakbalas dengan aspek fizikal dan emosi umum.

## 2.0 LATAR PENGAMATAN SENI VISUAL

Media dalam pembinaan karya seni visual OKU yang dibangunkan bersama bahantara hendaklah setara dengan keperluan karya dan makna. Kesesuaian menjadi keperluan peserta untuk menyampaikan karya yang bakal dikongsikan. Selanjutnya, penggunaan bahantara yang bersesuaian perlu dikongsikan dalam program pengajaran dan pembinaan karya. Di dalam perihal ini, ianya juga bertujuan untuk memberikan impak dalam kelestarian sesebuah karya. Ini adalah untuk mendapatkan makluman yang terperinci dalam membuat pilihan fasa pengajaran awalan. Menurut Mohd Syazni Zainudin (2016), bakat kesenian golongan OKU mesti terus digilap dan diketengahkan untuk mereka dikenali dan berjaya dalam bidang seni visual. Kemungkinan, sebilangan keperluan pengajaran yang bersifat saintifik perlu digabungkan untuk mengukuhkan faktor kegunaan bahantara di luar kebiasaan. Namun, beberapa faktor pemahaman saintifik dan teknologi telah menjadi kesukaran bagi seseorang peserta karya seni visual. Permasalahan telah berlaku semasa proses pembinaan seni visual untuk meletakkan idea ke lingkaran sesuatu motif yang dibawa. Perkara yang dicadangkan, peserta hanya perlu menggunakan data/fakta daripada hasil pemikiran sekeliling untuk disandarkan sebagai tema karya. Hasil karya seni visual menonjolkan aspek estetika untuk dijanakan dengan memberikan makna dalam pergerakan aktiviti secara fizikal.



Gambar 2: Peserta OKU (Upaya Fizikal) Dalam Sesi Melakar

## 2.1 Aktiviti dan Pengamalan

Konsep ‘pengamalan’ adalah berkait dengan perkongsian umum secara fizikal dari seseorang individu peserta. Ini telah berkait dengan faktor pengamatan yang perlu untuk difahami oleh seseorang peserta. Ianya berkait dengan kehadiran pengalaman jasmani fizikal individu yang terkesan daripada interaksi pemikiran responsif. Berdasarkan Arnheim (1969), pemikiran (konsep/idea) telah terkesan melalui pemerhatian yang membawa kepada komplikasi fizikal. Perkara tersebut telah melibatkan tingkah laku dan sifat karakter individu yang dikaitkan dengan pengamalan. Menurut Gibson (1979), dalam teori (kemampuan) telah mencadangkan bahawa kehidupan perlu digarapkan oleh seseorang individu dengan potensi mengikut perlakuan dan tindakan. Selanjutnya, peserta hendaklah melihat kehidupan dan hubungan yang tersedia. Gambar 2 menunjukkan peserta OKU (Upaya Fizikal) dalam sesi aktiviti membuat lakaran seni visual. Pemahaman pengamalan fizikal yang bersifat intuitif boleh dilanjutkan mengikut sesuatu keadaan hasil pengkaryaan seni visual. Oleh yang demikian, pemahaman dan gaya kehidupan secara asasnya telah memberi makna kepada fizikal umum. Pengamalan dalam kesenian mampu mendapatkan akses kepada penyediaan karya yang berilmiah. Tumpuan kepada struktur aktiviti fizikal secara visual telah mengungkap keperluan peserta untuk membina karya. Manakala, aspek pengajaran telah tertumpu kepada pemikiran mental yang menyampaikan ‘makna’ yang difahami oleh seseorang individu peserta. Tingkah penyampaian (karakter) sesebuah produk boleh diperkayakan dengan pemahaman umum untuk mengoptimumkan prestasi kehasilan karya. Dalam peringkat yang sama, melalui penyampaian kehasilan karya seni visual dapat membentuk sebuah kelangsungan komunikasi secara visual yang khusus.

## 3.0 PERMASALAHAN DAN KEPERLUAN AKTIVITI SENI VISUAL

Karya Seni visual yang dibangunkan hendaklah mengikut dimensi/parameter berdasarkan keperluan khusus. Tugasan perlu juga disandarkan dengan analisis terhadap faktor pragmatis peserta. Selanjutnya, karya yang berfungsi secara telus telah memudahkan ianya diterima umum. Melalui proses tersebut, umum boleh membuat andaian terhadap sesuatu keperluan dan peringkat kualiti artistik sesebuah karya. Aktiviti seni visual ini telah memperkuat persepsi peserta OKU dalam membangunkan karya peribadi mereka. Menurut Mohd Azim Abd Rahman dan Suffian Abu Bakar (2017), golongan orang kurang upaya (OKU) yang berbakat seni menghasilkan lukisan perlu diketengahkan kepada pengetahuan

khalayak masyarakat. Di samping itu, keperluan seni visual terhadap sesebuah karya dapat menonjolkan cita rasa dan personaliti seseorang peserta. Dengan tercetusnya aktiviti seni visual, dapat menyatupadukan pengamatan estetika secara umum terhadap aspek artistik yang dijanakan. Melalui seni visual, persepsi dan kognisi penghanyat dapat digabungkan untuk memahami tindakan luaran fizikal aspek sesuatu karya yang disampaikan. Ini adalah kerana, perkara ini telah melibatkan motif sensasi dan faktor penyediaan bahantara dalam aspek karya seni visual. Seterusnya, peserta telah membuahkan tumpuan kepada perkara yang lebih sensasi atau negatif terhadap karya mereka.

Adalah sewajarnya, fungsi dan faktor artistik oleh seni visual yang dijanakan bertindak sebagai unsur keharmonian kepada bakal khalayak. Ini adalah kerana, kepentingan dan kefahaman seni visual telah melibatkan pemikiran umum dalam membezakan kematangan karya yang berkualiti. Dalam mengungkap aspek estetika, penyelidikan ini telah mengangkat kelestarian dalam seni visual sebagai faktor utama pembinaan karya. Justeru itu, aspek pengkaryaan adalah berdasarkan dari ilmu (faktor kemanusiaan dan alami) yang berkait dengan pembinaan seni visual. Namun, sebilangan peserta OKU masih dalam percubaan untuk menunjukkan sensasi dan cetusan rasa peribadi kepada khalayak dalam bentuk yang nyata (aksi). Seni visual perlu digabungkan dengan keperluan dan faktor kegunaan bahantara oleh kesediaan seseorang peserta. Menurut Nagamachi (2002), pendekatan seni visual mampu untuk merangkap dan menjangka perasaan peribadi melalui imej dan objek. Ini adalah kerana, tindakan aksi sebilangan peserta sungguh menampilkan keterujaan emosi untuk bersama dalam aktiviti pemurnian karya seni visual. Keterujaan yang berlaku dipengaruhi oleh emosi memperluaskan kontek kesenian dan estetika. Jika keterujaan peserta/umum gagal dikawal dengan rapi, ianya telah membawa kepada faktor provokasi yang besar dalam kesenian.

### 3.1 PERSOALAN KAJIAN

Makalah ini melibatkan dengan persoalan yang mengungkap perkara yang berkaitan:

- a. Apakah keperluan sensitiviti peserta OKU untuk memahami aspek estetika terhadap terapi dalam pengkaryaan?
- b. Sejauh manakah kelangsungan peserta OKU meneruskan kefahaman seni visual dalam berkarya?

### 3.2 MATLAMAT KAJIAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk membimbing pengkarya OKU dalam seni visual melalui pendekatan program artistik. Program seni visual dijalankan bersempena pengajian formal dan pembangunan pelaksanaan penyelidikan dalam projek. Penyelidikan ini menerangkan dan menilai strategi yang bersesuaian dengan seni visual serta ianya mampu membantu menanamkan pengalaman penyelidikan ke dalam konteks kontemporari. Amalan seni visual juga dapat dikekalkan untuk membangunkan aras profesional dan daya saing kepada golongan OKU.

### 3.3 OBJEKTIF KAJIAN

Memahami peranan seni visual dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap golongan kurang upaya, para penyelidik menetapkan dengan dua objektif utama. Untuk mengenal pasti persepsi golongan OKU terhadap penggabungan seni visual, pengajaran dan pembelajaran digabungkan dengan program artistik. Para penyelidik mengukur persepsi peserta OKU terhadap penggabungan seni visual dalam pengajaran dan pembelajaran seni visual. Terakhir, penyelidik menganalisis bagaimana pemahaman seni visual mendorong peserta OKU belajar seni visual.

Selaras dengan matlamat ini, para penyelidik memperoleh objektif penyelidikan seperti berikut:

- a. Untuk membangunkan persepsi peribadi peserta OKU terhadap kemahiran penerokaan seni visual.
- b. Untuk meneroka aspek ekspresif peserta OKU terhadap kemahiran berfikir secara kritis dan responsif untuk bertindak balas dalam pengkaryaan seni visual.

#### 4.0 PENDEKATAN METODOLOGI

Penyelidikan seni visual melibatkan dengan pendekatan metodologi secara kualitatif yang bergantung kepada penggunaan medium artistik. Dalam menghasilkan dan mendapatkan pengetahuan, medium seni visual termasuk kaedah penyelidikan kreatif untuk menyelesaikan masalah golongan OKU. Selain itu, aspek kreativiti berkait rapat dengan masalah sosial sebagai unsur utama penyelidikan. Wawancara separa berstruktur digunapakai sebagai satu set teknikal pendekatan dengan soalan-soalan yang dirangka secara khusus. Lima soalan diajukan kepada peserta OKU secara terbuka dalam mengesan idea-idea baru dibangkitkan dari hasil wawancara. Temubual separa berstruktur adalah pendekatan pertemuan di mana penyelidik mengikuti senarai pertanyaan secara teliti. Selanjutnya, dokumentasi fotografi digunapakai untuk merakam gerak kerja mengenai sesuatu individu peserta OKU yang terkesan terhadap emosi, nilai, kepercayaan dalam seni visual. Penyelidik menekankan etika dalam merakam fotografi dan disandarkan dengan prinsip yang membimbing dalam mendapatkan kebenaran dari peserta OKU. Walaubagaimanapun, etika dalam fotografi berkait dengan kontekstual yang bermaksud melalui dasar pengalaman dan nilai aktiviti seseorang peserta OKU.

Untuk *Mengenal Pasti* faktor pembinaan karya seni visual, aspek estetika dan sensitiviti aktiviti umum hendaklah difahami. Tugas ini telah memperkuat *Persepsi* peserta dalam membangunkan karya seni visual. *Cetusan Rasa* dari aktiviti dan ruang telah digabungkan dalam hubungan perkongsian karya seni visual. Aktiviti seni visual memerlukan peserta OKU *Menyesuaikan Peribadi* mereka dengan pendekatan pembangunan dan keilmuan. Seni visual perlu digabungkan dengan keperluan dan faktor kegunaan *Bahantara* oleh kesediaan seseorang peserta. Menurut Nagamachi (2002), melalui pendekatan seni visual bertujuan untuk merangkap dan menjangka perasaan umum melalui imej dan objek. Selanjutnya, ianya telah menonjolkan keperluan untuk menerapkan emosi ke dalam karya yang bakal dijanakan.

Pendekatan dan mekanisma perkongsian seni visual dijanakan untuk mengetahui:

- a. Peserta dapat memuktamadkan idea dan membina kefahaman dalam ‘memilih’ dan ‘merangka’ bentuk dapatan (pengetahuan).
- b. Peserta dapat terkesan dengan aspek terapi dan menghubungkan pengalaman peribadi dengan keperluan pembinaan karya.
- c.



Gambar 3: Peserta OKU (Upaya Fizikal) Dalam Sesi Penelitian Lakaran

Metodologi penyelidikan disandarkan dengan fakta dan idea refleksi yang telah dipastikan sebagai unsur penting dalam konteks artistik melalui hasil penyelidikan inklusif diterangkan oleh Armstrong dan Moore (2004). Tindakan pengkaryaan ditentukan melalui struktur dan proses daripada refleksi penyelidikan tindakan (Schön, 1983). Refleksi dalam tindakan dan aktiviti berlaku segera di mana instruktur terlibat dengan refleksi program. Matlamat metodologi berlaku secara empirikal dengan menilai kategori pembinaan karya OKU melalui konteks seni kontemporari. Karya dikategorikan dengan asas interaksi, keamatan dan kerumitan karya seni visual. Gambar 3 menunjukkan peserta OKU (Upaya Fizikal) membuat lakaran dalam sesi penelitian imej. Di samping itu, subkategori yang dinilai pada skala komposisi dan format yang disokong oleh warna, komposisi dan unsur-unsur lukisan. Keamatan (kesan) karya OKU diterangkan melalui keaslian kesan yang disokong oleh unsur metodologi dan asas interaksi. Karya seni visual OKU dinilai pada skala dan aturan rupa bentuk terdiri daripada kriteria yang disokong dengan unsur dan prinsip. Kesan metodologi penyelidikan menggunakan kaedah penyelidikan seperti pemerhatian, wawancara separa berstruktur, analisis dokumen berkaitan aktiviti (set tugas lukisan yang dipilih). Kajian video dari bengkel seni visual dan buku log harian digunakan mendapatkan data mengenai tingkah laku jangka panjang golongan OKU. Penyelidik menyelami masa yang diluangkan di bengkel seni rupa dan pameran yang dijalankan. Karya seni visual diperbandingkan dengan kaedah yang mengandaikan metodologi dokumen analisis sebagai pilihan. Keadaan bertentangan pendekatan kepada pilihan yang sesuai antara kaedah untuk membangun karya dalam seni visual yang bertepatan (Friedman, 2002). Penggunaan metodologi secara jelas dengan tindakan wawancara dan penilaian kreatif yang transformatif (Jayaratna, 1994). Inovasi pendekatan ini ditunjukkan dalam pelbagai kaedah penyelidikan yang lengkap dalam Seni Visual. Penyelidikan terhadap karya seni visual membawa erti pendekatan yang dikongsi dan boleh memberi kesan kepada pengkarya OKU sebagai sandaran protokol (Langlois, 2003). Tingkahlaku pengkarya OKU jelas berkait dengan projek penyelidikan yang membolehkan pemahaman mengenai tatacara yang lengkap untuk dicapai. Terdapat beberapa gabungan imej yang berguna sebagai strategi pembangunan karya oleh pengkarya OKU. Melalui penyelidikan, pengkajian dengan perubahan dan peranan pengkarya berpotensi dalam pelbagai konteks organisasi dengan menggunakan metodologi penyelidikan. Tindakan tugas dan projek diamalkan melalui penyertaan golongan OKU yang unik. Di samping itu, penyelidik bertindak sebagai pemerhati, penilai dan perunding dalam tindakan perantara budaya seni visual.

#### 4.1 Skop Penyelidikan

Kajian yang bermakna kepada peserta OKU membuka pemahaman dalam pembinaan karya seni visual. Penyelidik memahami fenomena dalam keperluan perkongsian ilmiah membina karya seni visual dengan konteks budaya artistik. Penggunaan media catan yang pelbagai digunakan mengikut kepentingan dan kebolehan peserta OKU. Gambaran imej dilukis dan dipilih secara rawak oleh peserta OKU serta diberikan melalui tugas dalam program seni visual. Bentuk pembelajaran dan pengajaran instruktur merangkumi modul seni visual yang dibangunkan oleh Jabatan Seni & Reka Bentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, UPSI. Pembelajaran seni visual membolehkan peserta OKU memperoleh pelbagai pemahaman kategori dalam pengkaryaan. Sampel secara bertujuan dipilih dari peserta-peserta OKU yang terlibat dengan program seni visual yang dijalankan. Sebanyak 10 orang peserta datangnya dari Majlis Pemulihan Malaysia (MPM), Petaling Jaya, Selangor. Di samping itu, 25 orang peserta dari Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Orang Kurang Upaya Bangi, Selangor juga digandingkan dalam program seni visual. Peralatan yang digunapakai adalah seperti warna air atau warna poster, berus mewarna, bekas air, kertas lukisan, pensil atau pen teknikal, papan / meja lukisan, pita pelekat dan pisau teknikal. Pendekatan dalam teknik melukis dalam seni visual merupakan pendekatan yang menampilkan dan menggambarkan karakteristik sesebuah karya. Pendekatan menjadi sesuatu perkara yang penting dalam membina lukisan. Antara teknik-teknik yang digunakan dalam membina karya dengan menonjolkan karakteristik yang pelbagai mengikut kesesuaian pengkaryaan. Antara teknik yang digunapakai adalah seperti *Aquarel*, Plakat, Pointillis (titik dan noktah), Semburan, Teknik Basah, Teknik Kering dan Teknik Campuran.

#### 4.2 RANGKA KERJA AKTIVITI SENI VISUAL

Berdasarkan Christensen (2004) dan Cupchik (1995), telah membincangkan aspek estetika dalam beberapa domain kreatif. Mereka menyatakan perkara yang berkaitan dengan visual yang boleh

menonjolkan penampilan dan kualiti pembinaan karya. Ianya telah menyentuh penerimaan dan perhatian yang penting dalam peringkat penyelidikan yang berkaitan dengan kualiti kinestetik. Selanjutnya, Salem, Nakatsu, dan Rauterberg (2006) menyatakan pengamatan karya dalam estetika yang membawa terma emosi dan keseimbangan peribadi dalaman penghayat.

Berikut adalah pernyataan berkenaan dengan *pengalaman dalam estetika*:

- a. Persepsi dalam estetika; Geraklaku pancaindera umum/penghanyat telah setara dengan penyampaian sesebuah pengkaryaan.
- b. Kognisi dalam estetika; Menurut Cupchik (1995), membicarakan pengertian yang menjadi keperluan kepada seseorang individu memahami sesebuah karya yang disampaikan.
- c. Tindakan dalam estetika; Cara atau perlakuan individu untuk mendapatkan/memahami kepuasan hati/emosi dalam tindakan pergerakan aktiviti fizikal.

Pengamatan seni visual telah mengangkat perspektif peserta kepada keperluan unsur pengalaman estetika dalam karya seni visual. Ianya memerlukan pemahaman mental peserta dalam memahami proses tindakan pergerakan fizikal karya seni visual. Secara umumnya, peserta perlu memahami ciri ekspresif sesuatu isu yang disandarkan sebagai tema. Konsep dan idea seni visual boleh dibangunkan hingga menjadi objek dalam konteks 'manipulasi tema'. Menurut Nora Hamid dan Peremalatha Sundram (2018), dengan memaksimumkan keupayaan bakat golongan OKU agar mereka dapat menikmati kehidupan yang berkualiti dengan melibatkan mereka dengan aktiviti yang diperlukan. Berkait dengan perihal tersebut, kefahaman peribadi telah menjadi simbolik kepada keperluan pergerakan fizikal seni visual. Aspek ini telah membentuk ketentuan dan penyampaian peserta dalam membina karya. Oleh yang demikian, adalah amat penting kepada peserta mengenalpasti dan menilai keperluan pengetahuan estetika. Ianya telah berkaitan dengan aspek hubungan kesenian (iaitu deria, fizikal, tingkahlaku/karakter dalam aktiviti). Faktor ini dapat memberikan kelebihan dan ketenangan kepada peserta untuk terus bekerja. Kefahaman adalah keperluan dalam usaha peserta untuk membangunkan karya seni secara lanjutan jika diperlukan.

#### 4.3 LIMITASI PERGERAKAN PENYELIDIKAN SENI VISUAL

Memahami kondisi dan fizikal aktiviti seni visual dapat mengungkap peranan penting dalam membangunkan karya seni berdasarkan keperluan umum. Organisasi Teknikal Program berusaha meletakkan pemahaman peserta terhadap senario kehidupan lapangan. Ianya membantu untuk membolehkan proses interaksi kesenian berlaku. Aspek estetika yang berkaitan telah mencetuskan kualiti dan kehasilan karya yang wajar. Cetusan rasa karya telah dipengaruhi oleh pergerakan keilmuan lapangan. Oleh yang demikian, pemahaman persepsi terhadap karya seni dan pemikiran ilmiah telah terkait kepada umum. Dalam keadaan yang berbeza, Merleau-Ponty (1962) menyatakan pemahaman terhadap sifat dan ruang tidak mempunyai penetapan (sebenar dan logik). Ini berkaitan dengan motif/isu yang perlu diatur oleh peserta kepada posisi dan komposisi asas kepada sesebuah karya. Kepentingan dan cara komposisi karya seni menjadi keperluan dalam membina pelbagai perkara yang penting kepada umum. Tambahan pula, Merleau-Ponty (1962) menambah dengan menyatakan ruang yang digambarkan tidak tersedia dan hanya menunggu untuk dilengkapkan. Ianya hanya sebagai medium gabungan deria seseorang individu secara (subjektif). Dalam aspek tersebut, ianya berkaitan dengan proses pemahaman yang boleh membina (objektif). Kefahaman ini membentuk pemikiran yang intelek mengikut keutamaan fizikal kesenian. Kesenian perlu menjadi keperluan dengan mengangkat persepsi dan pemikiran yang melengkapkan kehidupan. Kesenian yang wajar tidak telah hanya terpapar untuk dilihat sahaja. Ianya hendaklah dijanakan dengan lebih nyata berdasarkan keadaan dan kehendak semasa. Antara perkara yang boleh disandarkan berkaitan dengan prosedur kebolehpayaan visual seperti kinestetik, bahantara dan aspek gunaan.



Gambar 4: Peserta OKU (Upaya Fizikal) Dalam Sesi Lakaran Akhir

#### 4.4 SIGNIFIKASI INSTRUKTUR DALAM AKTIVITI SENI VISUAL

Aktiviti yang berkaitan dengan durasi pembelajaran seni visual adalah amat penting untuk difikirkan dan menjadi keperluan untuk:

- a. Memahami program dalam mendapatkan data/fakta dengan berkongsi kepada peserta (ahli) secara terbuka.
- b. Penyelidik membuat pemerhatian dan rakaman visual secara digital. Memahami dan mengenalpasti tingkahlaku personaliti peserta. Memuktamadkan lingkungan fasa pengajaran (perkongsian) kepada peserta.
- c. Keperluan prosedur semasa fasa aktiviti seni visual memerlukan peserta menentukan pilihan (tema) mereka melalui imej yang ingin diperkongsikan kepada umum. Peserta dikehendaki untuk menjalankan tugas khusus secara ringkas. Penyampaian dirakam secara digital dan didokumentasikan untuk rujukan lanjutan.

Penyelidik memerlukan peserta OKU berkerjasama untuk menjayakan tugas ringkas yang bersifat kolektif. Ini adalah untuk mendapatkan makluman yang terperinci dalam membuat pilihan fasa pengajaran awalan. Gambar 4 menunjukkan keberadaan peserta OKU (Upaya Fizikal) dalam membuat penelitian lakaran akhir. Peserta memanipulasi tema pilihan mengikut kesesuaian keadaan peribadi secara natural. Semasa proses tersebut, peserta menunjukkan bagaimana mereka berinteraksi dengan menggunakan tema dalam siri latihan yang ditetapkan. Pemerhatian terhadap peserta dijalankan dengan pengumpulan hasil karya untuk menilai tahap kemampuan mereka.





Gambar 4: Gambaran Hasil Lakaran Peserta OKU

#### 4.5 Keberhasilan Perantara Dalam Aktiviti Seni Visual

Kaedah (tatacara) dalam mengembangkan seni visual telah membuka lembaran kepada kritikan terhadap konsep karya seni visual. Konsep dan idea seni visual boleh dibangunkan hingga menjadi objek dalam konteks ‘manipulasi tema’. Dengan berlakunya proses tersebut telah disandarkan sebagai sumber penjana kefahaman artistik. Gambar 4 menunjukkan gambaran hasil lakaran peserta OKU berdasarkan aktiviti seni visual yang dijalankan. Program seni visual berfungsi menjadi sebahagian daripada ruang peralihan terapi di antara proses interaksi peserta dan hasil karya. Menurut Siti Salmiah A. Hamid (2014), seseorang individu kurang upaya (OKU) tidak harus dianggap malang kepada masyarakat hakikatnya mereka adalah insan istimewa yang mempunyai kebolehan di luar dugaan dalam menghasilkan karya yang baik. Peserta perlu berkerja (menjalankan pencarian) mengikut jangkaan masa yang telah ditetapkan. Dengan mengenalpasti sumber idea, karya dapat disepadukan. Pengalaman peribadi dalaman peserta dapat memenuhi ungkapan luaran aktiviti kesenian. Dengan mengikuti keperluan program seni visual, interaksi fizikal peserta OKU telah terkesan terhadap teori artistik.

Pengesanan tema tugasan karya peserta OKU telah berlaku ke dalam bentuk:

- a. Dimensi dan cetusan rasa peserta.
- b. Fungsi dan estetika.
- c. Interaksi emosi peribadi.

Kelebihan fungsi tema telah menjadi sebahagian daripada ruang peralihan di antara proses interaksi peserta dan tugasannya. Setiap karya yang dijanakan bertujuan untuk merangsang tindak balas emosi dari peserta. Prosedur ini adalah sebahagian daripada fasa awalan sesebuah karya yang bakal diperolih mengikut keperluan umum. Ini dikuatkan dengan jiwa dan tindakan personaliti peserta OKU tidak boleh dipisahkan dengan lukisan kerana bidang itu lebih memberi keseronokan dan ketenangan (Rodly Fadly, 2016). Keperluan emosi peserta telah bertindak sejurus dengan aspek ‘transformasi’ idea kepada karya seni. Berdasarkan kepada konsep (idea), transformasi dari manipulasi pola karya seni visual telah menentukan penyesuaian diri peserta terhadap aktiviti fizikal lapangan. Keperluan emosi umum telah bertindak sejurus ‘transformasi’ idea kepada seni visual. Ini adalah satu proses perubahan hubungan seni visual terhadap medium interaktif.

## 5.0 KESIMPULAN

Secara natural, peserta OKU menunjukkan tingkahlaku dan tindakbalas yang memberansangkan sepanjang proses pembelajaran seni visual. Bagaimanapun dalam beberapa keadaan, sebilangan peserta masih dalam tahap percubaan. Program perkongsian seni visual adalah melibatkan beberapa individu yang terlatih sebagai mentor. Peserta OKU dibantu oleh ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan yang tiada pengakhiran. Secara khususnya, aktiviti seni visual bersama OKU ini didokumenkan adalah untuk tujuan perkongsian khalayak umum. Untuk mencapai ke tahap yang lebih optimum, seluruh organisasi program bersama berusaha untuk memenuhi bentuk keperluan seni yang lebih berilmiah. Ini memudahkan umum dapat merujuk ilmu yang khusus mengikut keperluan dari usaha sesebuah organisasi meningkatkan keilmuan seni visual. Pendekatan seni visual mampu membantu untuk membangunkan kesedaran deria peserta OKU. Seni visual mampu meningkatkan perasaan peserta OKU untuk meneroka, bereksperimen dan membuat penciptaan. Pengalaman yang diterapkan mampu membina kreativiti, pemikiran kritis, berkomunikasi dan kerjasama dalam aktiviti seni visual. Program seni visual mampu memupuk dan membangunkan kapasiti kreatif peserta OKU untuk memajukan tenaga kerja berperanan dalam lapangan artistik. Tujuan program seni visual mampu menyumbang kepada kegiatan ritualistik secara khusus dalam aspek ekspresi, naratif, fungsi dan persuasif. Tugasan dalam bidang seni visual membantu peserta OKU mengembangkan kemahiran menyelesaikan masalah kreatif. Pengajaran melalui seni visual mengangkat konsep-konsep hubungan peserta OKU dengan budaya artistik yang lebih luas.

## 5.1 Cadangan dalam Penyelidikan

Seni visual perlu dilihat sebagai konteks anugerah yang memberi manfaat kepada terapi dan kesihatan mental seseorang peserta OKU. Dalam keadaan yang lain, aktiviti seni visual membantu peserta OKU melupakan kondisi kritikal mereka. Seni visual mampu mengembangkan kemahiran menyelesaikan masalah kreatif yang dialami. Pengajaran melalui seni visual mengangkat konsep-konsep yang sukar secara artistik lebih mudah difahami. Pendekatan seni visual mampu menghubungkan peserta dengan budaya yang tersendiri dengan lebih luas. Pendidikan seni visual adalah bidang pembelajaran yang mendasari lakaran, lukisan, arca, cetakan, tenunan dan reka bentuk. Seni visual digunakan untuk mengembangkan dalam bidang praktikal seperti pengetahuan grafik dan komersial. Kepentingan menyediakan pendidikan seni visual secara berkualiti untuk peserta OKU digunakan untuk berkomunikasi. Pendekatan seni visual diekspresikan sebagai pemacu yang penting untuk mencipta dan memahami imej artistik. Pendidikan seni visual memberi peluang kepada peserta OKU untuk melihat, berkomunikasi dan menerapkan ilmu sepanjang hidup. Idea dan emosi yang dinyatakan dalam imej visual meningkatkan keyakinan dan pemahaman diri peserta OKU. Kemahiran komunikasi dan kognitif yang lebih baik adalah antara pengajaran seni visual diwujudkan bagi memberi banyak peluang untuk lebih berjaya.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah disokong dan dibiayai oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak, Kod Pembiayaan (2017-0296-107-01). Penyelidik mengucapkan terima kasih kepada Research Management Innovation Complex (RMIC), Universiti Pendidikan Sultan Idris. Fokus tajuk penyelidikan ini adalah untuk meneroka kebolehpayaan pendidikan seni terhadap terapi seni orang kurang upaya. Penyelidik mengucapkan terima kasih kepada semua ahli daripada pasukan penyelidik yang telah menyumbang kepada penyelidikan ini. Penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa pemandu, informan kritikal, guru, ibu bapa dan pihak berkepentingan lain yang mengambil bahagian dalam kajian ini.

## RUJUKAN

Arnheim, R. (1969). *Visual Thinking*. University of California press, Berkeley.

Christensen, M. S. (2004). *Introducing Excitability*. In *Proceedings of the Nordic CHI 2004 Workshop*, October 24, 2004, Tampere, Finland, pp. 10-13.

- Cupchik, G. C. (1995). Emotion in Aesthetics: reactive and reflective models, *Poetics*, vol. 23, pp. 177-188.
- Gibson, J. J. (1979). *The Ecological Approach To Visual Perception*, Houghton Mifflin, Boston.
- Megat Zaharuddin Megat Mohd. Nor. (2013). Karya seni insan istimewa. keluarga. Utusan Melayu (M) Bhd. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20131217/ke\\_01/Karya-seni-insan-istimewa](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20131217/ke_01/Karya-seni-insan-istimewa)
- Merleau-Ponty, M. (1962). *Phenomenology of Perception*, Routledge & Kegan Paul, London.
- Mohd Azim Abd Rahman., & Suffian Abu Bakar. (2017). Ketengahkan bakat pelukis OKU. Majlis Perasmian Pameran Lukisan "Deaf Expressions Melaka - Liberation Through Art" di Balai Seni Lukis Melaka, Melaka. Utusan Melayu (M) Bhd. <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kl-putrajaya/ketengahkan-bakat-pelukis-oku-1.559122>
- Mohd Syazni Zainudin. (2016). Serlah Bakat Luar Biasa Golongan Kurang Upaya – Halina. Unit Komunikasi Terengganu (Ukom). Kuala Terengganu. <https://www.teganukita.net/2016/10/serlah-bakat-luar-biasa-golongan-kurang.html>
- Nagamachi, M. (2002). Kansei Engineering As A Powerful Consumer-Oriented Technology For Product Development. *Applied Ergonomics*, vol. 33, no. 3, pp. 289-294.
- Nora hamid., & Peremalatha Sundram. (2018). Aktiviti Riadah Dan Rekreasi Untuk Orang Kelainan Upaya (Oku). World Federation of Occupational Therapist (WFOT). Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.un.org/disabilities/documents/convention/convoptprot-e.pdf>
- Rodly Fadly. (2016). Hasil seni indah guna kaki. *Harian Metro*, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group. <https://www.hmetro.com.my/node/183769>
- Salem, B., Nakatsu, R., & Rauterberg, M. (2006). *Kansei Experience: Aesthetic, Emotions, And Inner Balance*.
- Siti Salmiah A. Hamid. (2014). Ilham insan istimewa. *Harian Metro*, New Straits Times Press (M) Bhd. Media Prima Group. <https://www.hmetro.com.my/node/8833>
- Langlois, A. (2003) *L'art par immersion ou l'immersion de l'art*, chapter 3 *L'art et la vie ou l'immersion de l'art*, 2.1 Des protocols (French DEA thesis).
- Jayaratna, N. (1994). *Understanding and Evaluating Methodologies* (London: McGraw Hill).
- Armstrong, F., Moore, M. (2004). *Action Research for Inclusive Education: Changing Places, Changing Practice, Changing Minds*. London: Routledge Falmer.
- Schön, D. A. (1983). *The Reflective Practitioner*. New York: Basic Books.
- Friedman, K. (2002). RTI Discussion List (rti@jiscmail.ac.uk), 25 January 2002 Subject: method and methodology.